

**KAJIAN PENCAPAIAN PRESTASI AKADEMIK DI  
DALAM PEPERIKSAAN AWAM DI SEKOLAH  
MENENGAH KERAJAAN ASAJAYA, 1999 – 2002.**

<b>DYG. MAS MULIANY BT. ABG ABU BAKAR</b>	<b>2000111824</b>
<b>IKHWAN BIN RAZALI</b>	<b>2000543970</b>
<b>SY. FATIMAH AZURA BT. WAN ALI</b>	<b>2000676056</b>
<b>SYED ABD. RAHMAN SYEED MOHD. JUNAIDI</b>	<b>2000543883</b>
<b>ZILAWATI BT. ZAINI</b>	<b>2000543963</b>

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN SARAWAK KAMPUS SAMARAHAN**

**FAKULTI PENTADBIRAN DAN UNDANG-UNDANG**

**SEPTEMBER 2003**

## ABSTRAK

Kajian laporan kami menerangkan tentang Pencapaian Taraf Pendidikan Sekolah Menengah di dalam Peperiksaan Awam di Daerah Samarahan dari tahun 1999 sehingga 2002. Kajian Kes: - SMK Asajaya. Hipotesis dalam kajian ialah kepentingan pendidikan bagi setiap lapisan masyarakat terutamanya penduduk di luar bandar. Secara tidak langsung ianya dapat mengubah cara pemikiran mereka supaya lebih terbuka dan lebih maju.

Kaedah kajian yang telah kami gunakan adalah seperti pemerhatian, temuduga, soal selidik, perbandingan, keratan akhbar, majalah dan internet. Kami telah mengedarkan 200 borang soal kaji selidik. Hasil yang kami perolehi daripada borang soal kaji selidik ini akan di tunjukkan dalam bentuk statistik.

Kerjasama penuh yang diberikan oleh setiap organisasi berkaitan menunjukkan kepentingan peranan yang dimainkan oleh setiap pihak yang terlibat bagi menjayakan kajian ini. Secara kesuluruhannya setiap pihak yang terlibat dalam menjayakan kajian ini memberi kerjasama yang menggalakkan.

Pihak yang berkenaan perlu mengambil tindakan yang lebih sistematik dalam memberi kesedaran kepada orang awam tentang kepentingan pendidikan. Kami berharap segala cadangan yang telah kami perolehi dari kajian ini akan membawa faedah kepada semua pihak yang terlibat.

## ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
Surat Penyerahan	i
Penghargaan	ii
Abstrak	iv
Isi Kandungan	v
Senarai Jadual	viii
Senarai Daftar Istilah	x

### **BAB 1      PENGENALAN**

1.1	Latar Belakang Kajian	1
1.2	Penyata Masalah	12
1.3	Objektif	13
1.4	Skop Kajian	14
1.5	Hipotesis	16
1.6	Andaian	17
1.7	Kepentingan Kajian	19
1.8	Metodologi Kajian	21
1.9	Batasan Kajian	31
1.10	Cadangan Kajian	33
1.11	Susunan Bab	39

## BAB 1

### Pengenalan

#### 1.1 Latar Belakang Kajian

Sekolah merupakan suatu tempat untuk kita mempelajari ilmu secara formal atau secara rasmi. Konsep persekolahan di Malaysia pada hari ini amat berbeza dengan konsep persekolahan pada zaman sebelum kemerdekaan. Ini kerana pada zaman itu, konsep perpaduan dan konsep untuk memajukan bangsa tidak ditekankan dan ia hanya sekadar untuk memenuhi keperluan yang perlu disediakan oleh pihak pemerintah. Konsep ini tidak lagi dianggap sesuai kerana pada zaman ini, konsep sekolah pada hari ini mementingkan perhubungan yang rapat dan interaksi yang berkesan dengan masyarakat. Ia diperakui dalam *Penyata Razak 1956* yang menegaskan bahawa perhubungan yang rapat antara sekolah dengan masyarakat amat penting. Tujuan utama ia dibina ialah supaya pelajar-pelajarnya memahami nilai-nilai masyarakat, agar mereka mengalami kehidupan masyarakat melalui pengendalian projek-projek pendidikan yang berkait-rapat dengan masyarakat dan dengan harapan semoga ibubapa memahami dan menghayati keadaan persekolahan anak-anak mereka yang sebenar.

Di Malaysia, memberi kemudahan pendidikan merupakan tugas Jabatan Pendidikan seperti yang telah termaktub di bawah Ordinan Pendidikan, 1957. Mengikut ordinan ini, semua sekolah menengah di Malaysia adalah dibawah tugas Jabatan Pendidikan dan dibantu oleh semua Jabatan Pendidikan Negeri. Di Malaysia juga, tidak wujud satu keseragaman yang tetap dalam organisasi sekolah tetapi semua sekolah diatur dengan satu struktur yang tetap dan sama antara satu sama lain iaitu sebuah sekolah

### 1.3 OBJEKTIF

Objektif utama kajian ini adalah untuk membuat penganalisan terhadap penentu pencapaian prestasi akademik pelajar dalam peperiksaan awam di SMK Asajaya dan cadangan yang sesuai untuk mengawal fenomena ini. Dengan ini kami telah menetapkan beberapa objektif kajian agar kami tidak menyimpang dari landasan kajian yang kami lakukan terhadap prestasi akademik pelajar dalam peperiksaan awam di SMK Asajaya. Antaranya ialah:-

- (i) Mengenalpasti punca kemerosotan akademik pelajar dari segi dalaman dan luaran beserta kaedah untuk menyelesaikan punca-punca tersebut.
- (ii) Mencadangkan idea-idea yang bernas untuk meningkatkan prestasi pelajar dalam peperiksaan awam.
- (iii) Mengkaji penyungguhan sendiri pelajar dalam pembelajaran mereka.
- (iv) Menyelidik tindakan pihak-pihak yang bertanggungjawab dalam membangunkan prestasi akademik pelajar.